

Bil. 2  
13



**MAJLIS BANDARAYA IPOH  
ARAHAN KEWANGAN BIL.13/2012**

Rujukan : Bil. ( 22 ) dlm.MBI.B1/12/1/11

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh  
29 Mei 2012

Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

**SALURAN PEMBAYARAN MELALUI "FUND PROTOCOL EXCHANGE (FPX)"**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y. Bhg. Dato/tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa mulai 18 Mei 2012 menu E-Bayaran telah dimuat naik di dalam laman web Majlis Bandaraya Ipoh sebagai saluran pembayaran baru melalui FPX. FPX adalah saluran pembayaran atas talian baru yang dibangunkan bagi memberi ruang kepada warga kota untuk membuat pembayaran bil-bil cukai taksiran secara atas talian melalui laman web rasmi Majlis.

3. E-Bayaran ini hanya boleh digunakan bagi pembayaran bil-bil cukai taksiran sahaja dan akan dinaiktaraf secara berperingkat bagi pembayaran semua bil-bil Majlis di masa hadapan. Dalam E-Bayaran, warga kota mempunyai dua kaedah pilihan pembayaran iaitu secara kad kredit atau akaun simpanan/semasa masing-masing.

4. Oleh yang demikian, semua jabatan/bahagian/unit dapat memanjangkan perkara ini kepada semua anggota Majlis Bandaraya Ipoh dan menghebahkan kepada warga kota juga agar penggunaan kaedah pembayaran ini lebih efektif. Dengan itu, secara tidak langsung dapat mempromosikan perkhidmatan Majlis menerusi laman web rasmi Majlis.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI"**

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN MD. ARIFF,  
Setiausaha Bandaraya)

"INOVASI BERKUALITI MENJANA KECEMERLANGAN ORGANISASI"

inovasi  
MAJLIS BANDARAYA IPOH